



30 JUN, 2022

## TNB perluas skop program TRM

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) memperluas skop Program TNB Reskilling Malaysia (TRM) dengan mencakupi sektor ekonomi gig yang kini semakin berkembang pesat.

TNB dalam kenyataan berkata, langkah itu sebagai satu usaha mempercepat pemulihan ekonomi negara pasca pandemik Covid-19.

Sejajar peralihan kepada pendigitalan iaitu ciri ut-

## TNB perluas skop program TRM

ma Revolusi Perindustrian 4.0 yang mendorong kepada peningkatan dalam aturan kerja yang lebih fleksibel dan tanpa majikan, usaha ini akan mendorong pekerja gig melonjakkan momentum pasaran buruh tempatan.

Pekerja ekonomi gig adalah individu yang bekerja sendiri dan bebas serta ter-

tumpu kepada skop kerja dan tempoh masa yang ditetapkan dengan bayaran dipersetujui.

Menurut Ketua Pegawai Insan TNB, Wahizan Abd Rahman cara bekerja sekarang secara beransur-ansur beralih kepada kaedah *remote* (jarak jauh) dan hibrid, bekerja dari rumah sudah menjadi kebiasaan baharu

di Malaysia, justeru ia dijangka mendorong peningkatan permintaan pekerja gig.

“Tetapi ramai juga yang berdepan cabaran dalam mencari kerja atau perniagaan. Kami percaya, ini masa yang sesuai untuk peserta ekonomi gig melangkaui peranan semasa mereka untuk masa depan lebih baik,”

katanya.

Latihan itu ditaja sepenuhnya TNB dan syarat termasuk ke program TRM adalah mempunyai perjanjian perkhidmatan yang ditandatangani pekerja dan syarikat atau sudah berjaya mendaftarkan perniagaan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau mempunyai kelayakan perniagaan atau perjanjian berkaitan dengannya.

Pemilihan pekerja gig ini

dilaksanakan melalui dua sesi pada Jun 2022 dan mereka yang berjaya akan mengikuti latihan dalam bidang kemahiran digital, penyelenggaraan penyaman udara, automasi dron untuk Industri 4.0 dan pembentukan minda perniagaan.

Program TRM dilaksanakan TNB IIsas di Bangi, Selangor, sejak 2020, apabila TNB diamanahkan oleh kerajaan membantu rakyat yang terjejas akibat pandemik.